

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

**HBT 207 - Perkamusan dan Peristilahan**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT [4]** soalan di dalam **TIGA [3]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **Soalan 1** dan mana-mana **DUA [2]** soalan yang lain (**TIGA [3]** Soalan kesemuanya).

1. Baca petikan di bawah ini dan jawab soalan yang berikutnya:

Saya, RT, memohon pelepasan tutorial HMT 222 kerana terlibat menjadi LO dalam Kejohanan Pencak Silat Sedunia di PISA. Saya hendak juga mengikut kelas puan secara tetap tetapi tidak mengetahui tempat dan waktu kelas tersebut.

(Dipetik daripada surat pelajar USM,2002 : 35 patah perkataan)

Masukkan ayat di atas ke dalam jadual seperti di bawah dan isikan maklumat [a-c] dan seterusnya jawab bahagian [d].

- |     |                              |             |
|-----|------------------------------|-------------|
| [a] | Kelas kata                   | [50 markah] |
| [b] | Transkripsi fonetik          | [50 markah] |
| [c] | Padanan Bahasa Inggeris (BI) | [50 markah] |

...2/-

**Contoh:**

<b>Entri</b>	Saya	pergi	ke	perpustakaan	tetapi	buku	itu	tiada
<b>a. Transkripsi fonetik</b>	[saju]	[purgi]	[ku]	[purpustakaan]	[tutapi]	[buku]	[itu]	[tijadu]
<b>b. Kelas kata</b>	KN	KK	Prep	KN	Komp	KN	Det	Neg
<b>c. Padanan BI</b>	I	went	to	library	but	book	the	no

[d] Turunkan data daripada petikan di atas dalam format sebuah kamus.

[50 markah]

Jawab **DUA [2]** soalan sahaja daripada yang berikut:

2. Dalam proses penyusunan kamus dan istilah, pelbagai program komputer boleh digunakan seperti Micro-Oxford Concordance Program (M-OCP), MonoCon Pro dan WordSmith. Pilih salah satu daripada program yang anda ketahui dan terangkan bagaimana anda boleh menggunakan program tersebut untuk membantu dalam penyusunan sebuah kamus. Jawapan anda hendaklah berpandukan langkah-langkah yang berikut:

[a] Kaedah memilih teks [25 markah]

[b] Kaedah memilih entri [25 markah]

[c] Kaedah menentukan padanan [25 markah]

[d] Memformatkan kamus [25 markah]

3. Malaysia mempunyai tatacara yang tersendiri dalam pembentukan istilah bahasa Malaysia. Dengan menggunakan contoh-contoh yang anda ketahui jelaskan,

[a] 4 langkah tatacara pembentukan istilah, [40 markah]

[b] 3 kekuatan tatacara, dan [30 markah]

[c] 3 kelemahan tatacara tersebut [30 markah]

4. Kadang-kala **perubahan** sesuatu istilah berlaku disebabkan oleh faktor-faktor tertentu seperti yang berlaku kepada istilah-istilah di bawah:

tetuang udara → radio rumah pasung → balai polis kereta sakit → ambulans cendera mata → cendera hati belanjawan → bajet kanak-kanak cacat → kanak-kanak istimewa	sekolah rendah → sekolah primer rumah sakit → hospital makalah → artikel penerang → modifier lojik → logik tajuk berita → sari berita
---	--

- [a] Berdasarkan senarai istilah di atas, beri 5 sebab mengapa istilah tersebut berubah?

[50 markah]

- [b] Beri pendapat anda sama ada perubahan itu perlu atau tidak dan jelaskan mengapa anda berpendapat demikian?

[50 markah]